

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Pertama

Sidang 1987/88

BPI 450/3 Kaedah-kaedah Penyelidikan
Dalam Patologi Tumbuhan

Tarikh: 5 November 1987

Masa: 2.15 petang - 5.15 petang
(3 jam)

Jawab LIMA daripada ENAM soalan

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

1. Bincangkan dengan terperinci kaedah-kaedah pensterilan dengan menggunakan:-
 - (a) gas bagi bahan-bahan yang peka terhadap haba.
 - (b) penurasan bagi medium cecair.

(20 markah)

2. Huraikan empat kaedah pengawetan dan pemeliharaan kulat untuk jangka masa panjang. Sebutkan kebaikan dan keburukan setiap kaedah di mana yang perlu.

(20 markah)

3. Kultur kulat anda telah dikontaminasikan dengan hamama dan bakteria. Bincangkan pelbagai kaedah anda boleh menggunakan untuk menuliskan kultur tersebut.

(20 markah)

4. (a) Mengapa keputusan penyelidikan yang dijalankan dalam rumah tumbuhan seringkali berbeza daripada yang didapati di lapangan?

(5 markah)

- (b) Bincangkan pelbagai faktor yang boleh mempengaruhi keputusan percubaan yang dijalankan di lapangan.

(15 markah)

5. (a) Anda telah diberi suatu tajuk projek penyelidikan. Bincangkan langkah-langkah perancangan utama untuk menjalankan projek tersebut.

(12 markah)

- (b) Senaraikan dan sebutkan sifat kandungan lima jurnal antarabangsa dan tiga jurnal tempatan yang berkaitan dengan bidang patologi tumbuhan.

(8 markah)

6. Tuliskan nota ringkas mengenai EMPAT daripada tajuk-tajuk yang berikut:-

- (a) Hidroponik
- (b) Kesan sempadan
- (c) Pensterilan tanah
- (d) Bahan awetan untuk spesimen tumbuhan berwarna
- (e) Penilaian kerugian tanaman

(20 markah)